

Faktor Peramal Pengurusan Hutang dalam Kalangan Pekerja Muda

Nuraini Abdullah* & Mohamad Fazli Sabri

Jabatan Pengurusan Sumber & Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (2014), mendapati bahawa 58% individu yang diisytiharkan muflis adalah golongan pekerja muda. Ini jelas menggambarkan ketidakmampuan pekerja muda menguruskan hutang dengan bijak. Selain berhadapan dengan perubahan fasa kehidupan, pekerja muda turut berada dalam keadaan ketidakcukupan pendapatan yang menyebabkan mereka berhutang. Oleh itu, kajian ini bertujuan melihat faktor peramal kepada pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. Seramai 508 orang responden iaitu 57.1% terdiri daripada kakitangan awam selebihnya terdiri daripada kakitangan swasta yang berumur 40 tahun ke bawah telah terlibat dalam kajian ini. Kaedah persampelan rawak berlapis dilakukan di zon tengah iaitu di Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor dan Perak menggunakan borang soal selidik (*self administered*). Hasil kajian menunjukkan bahawa, peratusan tertinggi literasi kewangan dan stres kewangan adalah pada tahap yang sederhana. Didapati bahawa pekerja muda memiliki estim diri yang positif manakala peratusan responden tertinggi dalam pengurusan hutang adalah di tahap yang rendah. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara literasi kewangan, sikap ketidakcukupan terhadap wang, sikap usaha/keupayaan terhadap wang, dan estim diri dengan pengurusan hutang pekerja muda. Walau bagaimanapun, terdapat hubungan signifikan yang negatif antara sikap obsesi terhadap wang dan stres kewangan dengan pengurusan hutang pekerja muda. Selain itu, ujian analisis Regresi Pelbagai yang dilakukan mendapati bahawa jantina, status kewangan, sikap obsesi terhadap wang, estim diri dan stres kewangan merupakan faktor penyumbang dengan estim diri merupakan peramal utama dalam kajian pengurusan hutang ini. Kajian ini memberi manfaat kepada para majikan agar menyediakan program pendidikan kewangan yang sesuai kepada kumpulan pekerja muda yang lebih terdedah kepada isu dan masalah berkaitan dengan muflis di usia muda. Pendidikan kewangan di tempat kerja dilihat sebagai salah satu program intervensi yang wajar diperkenalkan.

Kata Kunci: Pengurusan hutang, literasi kewangan, sikap terhadap wang, stres kewangan dan estim diri

Abstract

Statistics released by the Department of Insolvency Malaysia (2014), found that 58% of people declared bankrupt is young employees. This reflects the inability of young employees to manage debt wisely. Clearly, young employees have to deal with life changes phase and also have to deal with inadequacy of income that causes them to be in debt. Therefore, this study aims to predict the factors of debt management among young employees. A total of 508 respondents that is 57.1% consisted of civil servants and the rest come from private employees who are aged below 40 were involved in this study. Multi stage sampling technique was performed in the central zone of Malaysian named Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor and Perak. Data were collected through self-administered questionnaire. The results showed that the highest percentage of respondents of financial literacy and financial stress were at a moderate level. Young employees seem to have positive attitude of self-esteem while, the highest percentage of respondents in debt management is at a low level. Pearson correlation test showed that there was significant correlation between financial literacy, attitude towards money (inadequate), attitude towards money (capability) and self-esteem with debt management of young employees.

*Corresponding author: nurainiabdullah88@gmail.com
eISSN: 2462-2079©Universiti Putra Malaysia Press

However, there was a significant negative correlation between attitudes towards money (obsession) and financial stress with debt management of young employees. In addition, the multiple regression showed that gender, financial status, attitude towards money (obsession), esteem and financial stress had significant influence towards debt management whereas self-esteem become a major predictor to debt management. This study provides benefits to employers in order to provide appropriate financial education programs to groups of young employees who are more exposed to issues and problems related to bankruptcy at a young age. Financial education in the workplace is seen as a reasonable intervention programs to be introduced.

Keywords: Debt management, financial literacy, attitude towards money, financial stress and self esteem

PENDAHULUAN

Umum mengetahui bahawa senario keberhutangan yang tinggi sering dikaitkan dengan golongan pekerja muda. Ini adalah kerana fasa peralihan yang dilalui mereka bermula daripada hidup bergantung kepada penjaga kepada hidup secara berdikari sepenuhnya terutama dalam soal kewangan (Shim, Xiao, Barber & Lyons, 2009). Ini secara tidak langsung menjadikan golongan pekerja muda tidak bersedia menguruskan kewangan peribadi (Isa, Aliff, Jamil, Halim, Amirah, Nurul, & Syazwani, 2012). Maka tidak hairanlah apabila laporan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (2014) mendapati bahawa 58% daripada golongan yang diisytiharkan muflis merupakan golongan muda.

Muflis atau bankrup berlaku apabila seseorang individu tidak mampu membayar pinjaman/hutang kewangan melebihi RM30,000 dan ke atas. Antara sebab seseorang individu diisytiharkan muflis mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada Januari 2014 adalah disebabkan oleh sewa beli kenderaan (671 kes), pinjaman perumahan (484 kes), pinjaman peribadi (455 kes), penjamin perniagaan (263 kes), hutang kad kredit (188 kes), penjamin sosial (132 kes), penjamin korporat (37 kes), hutang cukai pendapatan (25 kes), hutang biasiswa/pinjaman pelajaran (2 kes) dan lain-lain keberhutangan (31 kes). Permasalahan berlaku apabila lebih daripada 50% kes muflis telah dikaitkan dengan golongan pekerja muda. Hai ini jelas menunjukkan bahawa perhatian yang lebih khusus harus diberikan kepada golongan ini memandangkan mereka merupakan pelapis kepada kepimpinan negara pada masa akan hadapan. Kajian yang dilakukan oleh AKPK (2014) menyenaraikan beberapa punca utama hutang dalam kalangan pekerja muda dan mendapati bahawa pengurusan hutang yang tidak terancang adalah penyebab utama berlakunya tren keberhutangan dalam kalangan pekerja muda.

Definasi hutang menurut Fazli, Ahmad Hariza dan Amim (2011) ialah suatu bayaran yang dilakukan oleh individu bagi mendapatkan barang dan perkhidmatan serta akan dibayar kembali pada satu tempoh tertentu. Individu yang berhutang perlu bertanggungjawab ke atasnya kerana membayarnya adalah satu kewajipan (Zakaria, Kader, Jaafar & Marican, 2012). Di antara jenis pinjaman yang ditawarkan dalam pasaran adalah seperti sewa beli, pinjaman peribadi, pinjaman kad kredit, pinjaman perumahan dan kenderaan (Celik Wang, 2009). Hutang secara dasarnya dibahagikan kepada dua iaitu hutang baik dan hutang memudaratkan. Hutang baik adalah seperti pembelian aset perumahan manakala hutang memudaratkan adalah hutang yang tidak memberikan keuntungan kepada penghutang.

Salah satu aspek pengurusan hutang yang tidak teratur adalah disebabkan oleh pendapatan yang tidak selari dengan perbelanjaan menjadikan pekerja muda terpaksa berhutang untuk memenuhi keperluan dan kehendak masing-masing. Pekerja muda dilihat perlu berhutang dalam memperoleh aset seperti memiliki rumah, kenderaan dan sebagainya bagi meningkatkan taraf hidup masing-masing. Menurut *National Summit on Retirement Savings* (2002), pembelian yang tidak terancang sering menyebabkan pekerja muda berada dalam keadaan keberhutangan kerana hutang memberikan laluan mudah kepada individu untuk memiliki apa yang diidamkan. Statistik pada tahun 2012 yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia menunjukkan seramai 11, 264 pekerja muda telah diisytiharkan muflis mengesahkan keadaan ini. Selain itu, tren keberhutangan yang berlaku dalam kalangan golongan pekerja muda adalah disebabkan oleh kurangnya literasi mengenai kewangan (Kidwell & Brinberg, 2003). Ketidacukupan literasi kewangan menjadikan pekerja muda tidak mampu bersaing dalam kemajuan industri kewangan yang dilihat semakin pesat dengan pertambahan produk dan perkhidmatan. Fenomena ini menjadi cabaran kepada golongan pekerja muda untuk meningkatkan pengetahuan kewangan yang dimiliki masing-masing. Ini disokong oleh laporan Buletin Ringgit (2011), yang mendapati bahawa pekerja muda tidak mampu menguruskan kewangan dengan baik tanpa penambahan pengetahuan kewangan terutamanya ketika industri kewangan yang semakin berkembang.

Perubahan sikap terhadap wang dilihat berdasarkan penilaian individu terhadap wang sama ada positif mahupun negatif berdasarkan literasi kewangan, pengalaman kewangan dan sosialisasi kewangan ketika kanak-kanak

(Kim & Chatterjee, 2013). Dalam konteks ini, sikap terhadap wang yang positif dapat dilihat apabila individu menganggap wang sebagai simbol kekayaan dan kemegahan manakala sikap terhadap wang yang negatif ialah wang dilihat sebagai bukan keutamaan dalam kehidupan individu. Kesenambungan daripada itulah, wujudnya segelintir golongan pekerja muda yang sering mengukur standard kehidupan berdasarkan barangan yang dimiliki seperti bilangan kenderaan, kad kredit dan sebagainya sehingga menyebabkan mereka sanggup berhutang agar mendapat pengiktirafan daripada rakan sebaya yang lain. Pekerja muda yang memiliki sikap negatif terhadap wang dilihat cenderung membelanjakan wang secara tidak terancang sekaligus menyebabkan pengurusan hutang yang tidak bijak.

Selain aspek literasi kewangan dan sikap terhadap wang, aspek psikologi turut dikaitkan dengan pengurusan hutang. Ini menurut Brennan, Zavallos dan Binney (2011) pengurusan hutang yang baik turut dikaitkan dengan faktor psikologi iaitu estim diri atau kawalan diri yang tinggi. Oleh yang demikian, memiliki estim diri yang tinggi adalah amat penting bagi golongan pekerja muda kerana dapat membantu menguruskan aspek hutang yang dimiliki. Semakin tinggi keyakinan dirinya terhadap aspek kewangan maka semakin tinggilah tahap kawalan diri terhadap kewangan peribadinya. *Associated Press* (2013) mendapati golongan pekerja muda mempunyai masalah tekanan kewangan akibat dibelenggu masalah hutang yang berterusan sehingga memaksa mereka bekerja sepanjang hayat.

TINJAUAN LITERATUR

Pengurusan Hutang

Terdapat beberapa faktor yang dapat mempengaruhi pengurusan hutang pekerja muda. Di antaranya ialah faktor sosiodemografi yang dapat dilihat menerusi faktor jantina, umur, tahap pendidikan, pendapatan bulanan isi rumah, status perkahwinan dan bilangan tanggungan (Husniyah et al., 2005; Baek & Hong, 2004). Status perkahwinan, tempoh perkahwinan, bilangan tanggungan, tahap pendidikan dan pendapatan turut dilihat perkaitannya dengan pengurusan hutang berdasarkan kajian Walker, Tremblay dan Parkhurst (1984). Kesemua faktor sosiodemografi tersebut sering digunakan oleh pengkaji lepas bagi melihat perkaitan atau perbezaan terhadap tingkah laku kewangan individu. Ini adalah kerana menurut DeVaney, Gorham, Bechman dan Haldeman (1996), faktor sosiodemografi dapat menerangkan bagaimanakah individu merancang perbelanjaan terutamanya dalam pembayaran hutang dan penyimpanan wang pada masa hadapan.

Menurut Henry, Weber dan Yarbrough (2001), individu yang berusia 25 tahun ke atas telah mula merancang kewangan masing-masing berdasarkan matlamat yang ingin dikecapi dan mula mengumpul wang, meningkatkan tahap pendidikan, mencari dan mengukuhkan kerjaya dan seterusnya memulakan kehidupan berkeluarga. Oleh itu, memiliki hutang bagi tujuan mencapai matlamat kewangan masing-masing adalah sesuatu yang diperlukan. Menurut Laporan Kaji Selidik oleh Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) berkaitan Tingkah laku dan Tabiat Kewangan dalam Kalangan Pekerja muda (2012), terdapat 47% golongan pekerja muda yang berumur 18 hingga 35 tahun mengalami masalah hutang yang serius. Statistik ini sekaligus menjelaskan ketidakmampuan golongan muda menguruskan hutang dengan betul.

Literasi Kewangan

Literasi kewangan merupakan kebolehan dalam melakukan penilaian kewangan serta melakukan tindakan yang efektif berdasarkan informasi atau maklumat yang diperolehi agar pengurusan kewangan dapat dilakukan secara berhemah (Basu, 2005). Kajian Scheresberg (2013), yang menggunakan data daripada *National Financial Capability Study* (NFCS), (2009) mendapati golongan muda berumur 25-34 tahun memiliki literasi kewangan yang rendah terutamanya dalam kalangan golongan wanita muda dan pendapatan bulanan rendah. Justeru itu, kesedaran tentang pentingnya literasi kewangan perlu dipertingkatkan agar golongan muda mampu merancang kewangan peribadi dan mengurangkan risiko yang dihadapi mereka (Tan, Hoe & Hung, 2011).

Sikap Terhadap Wang

Wang merupakan satu konsep yang bersifat multidimensi dan telah dikaji berdasarkan kepelbagaian sosio ekonomi dan budaya (Taneja, 2012). Menurut Fazli, Hayhoe dan Goh (2006), wang dapat disimbolkan sebagai kepercayaan, sikap, etika dan status sosial. Perspektif wang yang berbeza diberikan oleh setiap individu menjadikan sikap terhadap individu juga berbeza. Selain daripada itu, sikap terhadap wang juga adalah berbeza berdasarkan jantina. Menurut Fazli, Hayhoe dan Goh (2006), terdapat perbezaan sikap terhadap wang antara lelaki dan perempuan terutamanya sikap obsesi dan kuasa terhadap wang. Perbezaan sikap terhadap wang dalam individu menjadikan persepsi dan penilaian wang individu turut berbeza. Namun begitu, sikap terhadap wang yang positif mampu menghasilkan individu yang bijak merancang kewangan malahan mampu menguruskan hutang dengan baik. Ini diterangkan menerusi kajian Sim dan Shung (2004), yang menunjukkan bahawa sikap

terhadap wang yang positif dapat membantu golongan muda memahami aspek kewangan dengan lebih mendalam terutamanya dari aspek simpanan, penggunaan dan pelaburan.

Stres Kewangan


Stres kewangan pula adalah satu istilah subjektif yang melahirkan perasaan tidak selesa akibat daripada ketidakmampuan individu memenuhi kehendak dan keperluan dalam kehidupan. Stres kewangan ini sering dikaitkan dengan estim diri serta perasaan kebimbangan dan ketakutan mengenai kewangan (Tedeschi & Calhoun, 2004). Stres kewangan mampu mempengaruhi bagaimana individu bertindak terutamanya dalam merancang pengambilan pinjaman/hutang. Davis dan Mantler (2004), mendapati bahawa terdapat perkaitan antara stres kewangan dengan kemurungan dan kebimbangan akibat tidak dapat menguruskan wang dan hutang dengan baik. Manakala, Slagel et al., (2007) pula mendapati bahawa stres kewangan menyebabkan pekerja muda tidak dapat membebaskan diri daripada masalah hutang kerana tidak mampu membuat keputusan kewangan dengan baik.

Estim Diri

Menurut Maslow (1954), estim diri adalah satu perasaan kepunyaan yang dibentuk dalam diri sendiri. Pembentukan estim diri individu dibentuk daripada pengalaman lepas iaitu pada zaman kanak-kanak. Oleh itu, agen sosialisasi seperti ibu bapa, guru dan rakan sebaya memainkan peranan penting dalam pembesaran kanak-kanak agar estim diri yang tinggi dapat dibentuk apabila meningkat dewasa (Pinto, Mansfield & Parente, 2004). Selain itu, menurut Bandura (1977), pengalaman lepas berkesan dalam meningkatkan keyakinan diri individu. Individu yang mempunyai estim diri yang tinggi sentiasa mempunyai keyakinan dalam dirinya serta yakin dalam mengharungi cabaran terutamanya mengenai aspek kewangan yang begitu kompleks (Daum & Wiebe, 2003). Nannyanzi (2009) pula mendapati bahawa estim diri yang positif dan literasi kewangan yang secukupnya dapat menjadikan individu memiliki tingkah laku kewangan yang baik.

Kerangka Kajian

Rajah di bawah menunjukkan Model Pengurusan Kewangan yang digunakan oleh Parrotta dan Johnson (1998) yang diadaptasi daripada Teori Pengurusan Sumber Keluarga (Deacon & Firebaugh, 1988) dalam mengenal pasti kaitan antara sikap terhadap wang dan pengurusan kewangan terhadap kepuasan kewangan dalam kalangan individu yang baru berkahwin.




Rajah 2.0: Model Pengurusan Kewangan (Parrotta & Johnson, 1988)

Model ini diadaptasi daripada Teori Pengurusan Sumber Keluarga. Model ini dapat dibahagikan kepada tiga elemen iaitu input, truput (subsistem persendirian dan subsistem pengurusan) dan output. Manakala Teori Pengurusan Sumber Keluarga digunakan bagi menerangkan hubungan antara satu komponen dengan komponen yang lain yang dikenali sebagai sistem. Sistem dibahagikan kepada tiga elemen iaitu input, truput dan output (Mugenda et al., 1990). Kim (2000) dalam kajiannya menggunakan ketiga-tiga elemen ini untuk mengkaji kesan pendidikan di tempat kerja terhadap kewangan peribadi dan prestasi pekerjaan di mana faktor sosio demografi seperti etnik, jantina, status perkahwinan, status hutang berbanding pendapatan adalah diklasifikasikan sebagai input, pengurusan kewangan berdasarkan sikap dan tingkah laku (truput) dan kesejahteraan kewangan (output).

Selain itu, Teori Estim Diri yang diperkenalkan oleh Cast dan Burke (2002) digunakan untuk menyokong kerangka kajian pengurusan hutang. Teori ini digunakan dalam menentukan tingkah laku individu berdasarkan estim diri yang dimiliki untuk memotivasikan diri ke arah kehidupan yang lebih baik. Kebanyakan pengkaji lepas menggunakan estim diri bagi menerangkan tingkah laku kewangan individu (Chatterjee et al., 2010) dan tingkah laku keibubapaan dan kesukaran ekonomi keluarga berpendapatan rendah (Joki, Ferlis, Habibie & Zal, 2010). Terdapat tiga elemen dalam teori ini iaitu estim diri sebagai pemampnan, motif diri dan hasil. Terdapat tiga elemen yang ditekankan dalam teori ini iaitu estim diri sebagai pemampnan, motif diri dan hasil. Estim diri dilihat sebagai pemampnan yang akan menghalang individu daripada melakukan kesilapan atau tingkah laku yang berisiko kepada individu. Estim diri sebagai motif diri adalah untuk mengendalikan hala tuju bagi tindakan yang akan atau bakal diambil manakala estim diri sebagai hasil dilihat berdasarkan dua dimensi iaitu kompetensi (keupayaan dan keefektifan) dan estim diri bernilai yang merujuk kepada kepercayaan diri sendiri.

Berdasarkan Model Pengurusan Kewangan (Parotta & Johnson, 1998), Teori Pengurusan Sumber Keluarga (Deacon & Firebaugh, 1988) dan Teori Estim Diri (Cast & Burke, 2002), satu kerangka konseptual telah dibina bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda seperti rajah 2.1 di bawah.



Rajah 2.1 Kerangka Kajian Pengurusan Hutang dalam Kalangan Pekerja Muda

Dalam kajian ini, input sumber manusia mewakili umur, jantina dan status perkahwinan manakala input bukan manusia adalah pendapatan isi rumah, status kewangan dan nisbah hutang kepada pendapatan. Kesemua ciri-ciri ini seperti jantina, etnik, status perkahwinan, tahap pendidikan, bilangan tanggungan, status kewangan dan nisbah hutang kepada pendapatan sering digunakan dalam kajian lepas (Kim, 2000; Garman, Kim, Kratzer, Brunson & Joo, 1999; Fitzsimmons & Leach, 1994) dalam mengenal pasti tingkah laku kewangan. Literasi kewangan turut diletakkan di bawah input kerana menurut Kim (2000) dan Princeton Survey Research Associates (2008), literasi kewangan dapat mempengaruhi keadaan kewangan individu dan tingkah laku mereka terhadap kewangan peribadi. Proses trupert didefinisikan dan dapat diukur berdasarkan pelbagai cara seperti perancangan, simpanan, pembayaran hutang dan sebagainya (Sumarwan & Hira, 1992).

Proses trupert dalam kajian ini mewakili pemboleh ubah sikap terhadap wang, stres kewangan dan estim diri sebelum mencapai matlamat pengurusan hutang yang berhemah. Rasional meletakkan sikap terhadap wang, estim diri dan stres kewangan sebagai salah satu komponen dalam trupert kerana ia merupakan aspek psikologi seperti yang didefinisikan oleh Deacon dan Firebaugh (1988). Menurut Eagly dan Chaiken (1993), sikap merupakan salah satu kecenderungan psikologi yang dapat ditunjukkan melalui penilaian individu terhadap sesuatu aspek.

Proses seterusnya ialah output. Output ialah satu tahap di mana keputusan yang diperolehi ialah sesuatu yang telah dijangka. Ini akan menggambarkan perasaan puas hati terhadap sesuatu perkara apabila kehendak telah dipenuhi. Perasaan ini dilahirkan setelah keputusan dan tingkah laku terhadap sesuatu perkara dilakukan (Deacon & Firebaugh, 1988). Manakala Teori Estim Diri digunakan bagi menyokong penggunaan pemboleh ubah iaitu sikap terhadap wang, estim diri dan stres kewangan terhadap pengurusan hutang. Ini adalah kerana estim diri memainkan peranan sebagai pemampnan bagi memperoleh tingkah laku kewangan yang berhemah (Sages & Grable, 2011). Prochaska-Cue (2008), menyatakan bahawa kebanyakan dapatan kajian lepas hanya

menfokuskan kepada aspek demografi, sosial dan ekonomi dalam mengenal pasti tingkah laku kewangan. Namun, kajian yang mengkaitkan aspek psikologi kewangan termasuklah kognitif, estim diri terhadap tingkah laku kewangan adalah terhad.

METODOLOGI KAJIAN

Persampelan

Responden kajian ini melibatkan pekerja muda yang berumur 40 tahun ke bawah dengan 600 responden disasarkan daripada empat buah negeri di Zon Tengah iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Perak. Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Perak mewakili pekerja dari agensi kerajaan manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor mewakili agensi swasta. Senarai agensi kerajaan dari pelbagai kementerian diambil daripada laman sesawang kerajaan Persekutuan manakala agensi swasta diperoleh daripada senarai Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF). Sebanyak 150 set borang kaji selidik diedarkan kepada setiap agensi kerajaan dan swasta secara persampelan rawak mudah dengan jumlah keseluruhan sebanyak 600 set soalan. Namun hanya 508 borang kaji selidik yang diperoleh sepanjang kajian dengan 290 borang kaji selidik daripada agensi awam dan 218 daripada agensi swasta. Borang kaji selidik diedarkan kepada responden di agensi-agensi melalui ketua bahagian yang telah bersetuju memberi kerjasama terhadap kajian ini. Borang kaji selidik mengandungi enam bahagian merangkumi soalan berkenaan latar belakang responden, literasi kewangan, sikap terhadap wang, estim diri, stres kewangan dan pengurusan hutang.

Bahagian A merangkumi soalan berkaitan latar belakang responden iaitu jantina, umur, status perkahwinan, pendapatan bulanan isi rumah dan bilangan tanggungan status kewangan semasa dan nisbah pembayaran hutang berbanding pendapatan. Manakala bahagian B mengandungi soalan berkaitan literasi kewangan yang diukur menggunakan instrumen yang telah dibangunkan oleh Fazli, Jariah dan Laily (2006) berdasarkan konteks Malaysia. Terdapat 34 item dengan pilihan jawapan “Betul” atau “Salah” diberikan kepada responden bagi mengenal pasti tahap literasi kewangan mereka. Analisis faktor dilakukan dan didapati bahawa terdapat lima subskala utama yang merangkumi aspek pengetahuan am, kad kredit, hutang/pinjaman, perbankan/produk Islam dan simpanan/pelaburan. Setiap soalan yang betul diberikan nilai satu manakala jawapan yang salah diberikan nilai sifar.

Bahagian C iaitu sikap terhadap wang diukur dengan menggunakan empat dimensi dari *Furnham's Money Beliefs and Behaviors Scale* (MBBS) yang terdiri daripada obsesi, retensi, ketidakcukupan dan keupayaan. Terdapat 24 pernyataan dengan lima skala Likert digunakan bagi mengukur sikap terhadap wang iaitu dari (1) sangat tidak setuju hingga (5) sangat setuju.

Selain daripada itu, bahagian D merangkumi soalan berkaitan estim diri yang dibahagikan kepada 10 item diadaptasi daripada Rosenberg (1965). Pengukuran skala diukur berdasarkan skala likert bermula dari ‘Sangat Tidak Setuju’ hingga ‘Sangat Setuju’. Manakala bahagian E adalah daripada aspek stres kewangan yang merangkumi tujuh pernyataan dan diadaptasi daripada kajian Aldana dan Liljenquist (1998) yang dibina bagi mengenal pasti individu yang menghadapi stres akibat daripada masalah kewangan. Responden juga diminta menggambarkan kekerapan mengalami situasi tersebut dalam jangkamasa enam bulan lepas berdasarkan pengukuran skala likert bermula daripada (1) tak pernah (2) kadang-kadang (3) selalu.

Bahagian E adalah terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan pengurusan hutang mengandungi 26 item dan menggunakan skala likert (1) sangat tidak setuju sehingga (5) sangat setuju bagi tujuan pengukuran. Instrumen ini diadaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh Nyamute dan Maina (2011) dan disesuaikan mengikut responden Malaysia. Analisis faktor kemudiannya dilakukan terhadap item-item tersebut untuk mendapatkan subskala pengurusan hutang. Di antara subskala pengurusan hutang adalah sebab berhutang, tingkah laku berhutang dan strategi pembayaran. Kesemua nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha adalah seperti yang dilampirkan dalam Jadual 1.0 seperti di bawah:

JADUAL 1.0
 Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha (α)

Pembolehubah	Cronbach Alpha (α)	
	Item	(α)
Literasi kewangan	34	0.801
Sikap terhadap wang	24	0.805
Estim diri	10	0.722
Stres kewangan	7	0.840
Pengurusan hutang	20	0.925

Hasil Kajian dan Perbincangan

Latar Belakang Responden

Menurut Drentea (2000), ciri demografi seperti umur, status perkahwinan dan pendapatan bulanan sering perlu digunakan bagi mengenal pasti tahap kesukaran kewangan individu. Oleh yang demikian, latar belakang responden yang telah diperincikan dengan merangkumkan soalan berkaitan sektor pekerjaan, jantina, umur, etnik, tahap pendidikan, status perkahwinan, pendapatan bulanan isi rumah, status kewangan serta nisbah bayaran pinjaman bulanan (termasuk pinjaman perumahan/tanah) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Didapati bahawa lebih daripada satu perdua responden terdiri daripada mereka yang berkhidmat dalam sektor awam dan 42.9% pula merupakan pekerja muda yang berkhidmat di sektor swasta. Majoriti responden terdiri daripada golongan wanita dan hanya 38.4% adalah responden lelaki. Dapatan ini selari dengan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, (2012) yang mendapati peningkatan dalam penyertaan tenaga buruh wanita bagi tahun 2011-2012. Dari aspek umur pula, majoriti responden berada dalam lingkungan umur 26-30 tahun dengan min umur adalah 31.2 tahun. Lebih daripada tiga perempat responden merupakan etnik Melayu dan selebihnya iaitu 9.6% merupakan etnik Cina, India dan lain-lain. Peratusan yang tertinggi dalam kalangan etnik Melayu adalah disokong dengan Laporan Bancian Penduduk dan Perumahan (2010) menganggarkan lebih daripada dua pertiga jumlah penduduk Malaysia pada 2013 merupakan etnik Melayu berbanding etnik yang lain. Kebanyakan responden memiliki kelulusan tahap pendidikan di peringkat tertiar (sijil, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah.doktor falsafah). Selain itu, separuh daripada responden telah berkahwin dan memiliki pendapatan bulanan isi rumah melebihi RM3,500 dan terdapat hanya 35% responden mempunyai status kewangan nilai harta melebihi nilai hutang. Majoriti responden membayar kurang daripada 40% bayaran pinjaman bulanan termasuk pinjaman perumahan/tanah. Ini menjelaskan bahawa majoriti pekerja muda mampu mengawal bebanan hutang apabila bayaran hutang setiap bulan adalah tidak melebihi 40% seperti yang telah disarankan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), (2011).

JADUAL 1.1
 Latar Belakang Responden (n=508)

Profil Responden	Ciri-ciri	n	%
Sektor pekerjaan	Awam	290	57.1
	Swasta	218	42.9
Jantina	Lelaki	195	38.4
	Perempuan	313	61.6
Umur	< 25	68	13.4
	26-30	180	35.4
	31-35	159	31.3
	>36	101	19.9
	Min	31.2	
Etnik	Melayu	459	90.4
	Cina	23	4.5
	India	19	3.7
	Lain-lain	7	1.4
Tahap Pendidikan	Sek. Men. Atas (SPM/MCE)	122	24.0
	Sek. Men. Tinggi (STPM/HSC)	40	7.9

	Sijil	36	7.1
	Diploma	137	27.0
	Ijazah Sarjana Muda	150	29.5
	Ijazah Sarjana/Doktor Falsafah	23	4.5
Status Perkahwinan	Bujang	160	31.5
	Berkahwin	335	65.9
	Bercerai/Berpisah/Balu/Duda/	13	2.6
Pendapatan bulanan isi rumah	≤RM1,500	57	11.8
	RM1,500-RM3,500	179	37.1
	≥RM3,500	247	51.1
	Min=RM4,937		
Status Kewangan	Nilai harta kurang daripada nilai hutang	164	32.3
	Nilai harta sama dengan nilai hutang	166	32.7
	Nilai harta melebihi nilai hutang	178	35
Nisbah bayaran pinjaman bulanan (termasuk perumahan/tanah)	0%	20	4.0
	>0%-<20%	93	18.5
	20%-<40%	173	34.4
	40%-<60%	167	33.2
	>60%	50	9.9

Literasi Kewangan

Jadual 1.2 menunjukkan aspek literasi kewangan yang merangkumi 34 item dengan pilihan jawapan betul dan salah yang melibatkan lima subskala utama iaitu pengetahuan umum, kad kredit, hutang/pinjaman, produk/perbankan Islam dan simpanan/pelaburan.

JADUAL 1.2
Literasi Kewangan

No	Literasi kewangan	Jawapan	n (%) Dijawab dengan Betul	n (%) Dijawab dengan Salah
Pengetahuan am Kewangan				
1	Seseorang boleh diisytiharkan muflis jika gagal membayar hutang sejumlah RM30,000	Betul	165 (32.5)	343 (67.5)
2	Individu yang telah diisytiharkan muflis tidak dibenarkan memohon pinjaman melebihi RM1,000	Betul	143 (28.1)	365 (71.8)
3	Sistem informasi rujukan kredit (CCRIS) merupakan biro kredit yang mengumpul, proses, menyimpan dan mewujudkan informasi kredit	Betul	230 (45.3)	278 (54.7)
4	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menawarkan pinjaman kewangan	Salah	246 (48.4)	262 (51.6)
5	Kunci kira-kira (Balance Sheet) menunjukkan status kewangan seseorang	Betul	368 (72.4)	140 (27.6)
6	Penyata aliran tunai (pendapatan) menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan keluarga pada satu tarikh tertentu	Betul	354 (69.7)	154 (30.3)
7	Wasiat tidak perlu untuk keluarga	Salah	439 (86.4)	69 (13.6)
8	Seseorang penjamin bagi sesebuah pinjaman turut boleh diisytiharkan muflis	Betul	373 (73.4)	135 (26.6)
9	Kenaikan harga barang mengurangkan kuasa beli	Betul	382 (75.2)	126 (24.8)
Kad Kredit				
10	Tiada caj dikenakan bagi pengeluaran tunai melalui kad kredit	Salah	352	156

			(69.3)	(30.7)
11	Pengeluaran wang tunai menggunakan kad kredit adalah sumber kewangan yang berkos rendah	Salah	326 (64.2)	182 (35.8)
12	Pemilik kad kredit boleh berbelanja tanpa had	Salah	398 (78.3)	110 (21.7)
13	Pemilikan kad kredit meningkatkan kuasa beli seseorang	Betul	334 (65.7)	174 (34.3)
14	Pemohon kad kredit perlu mempunyai sekurang-kurangnya RM24,000 pendapatan sebulan	Betul	180 (34.5)	328 (64.6)
	Produk dan perbankan Islam			
15	Wang takaful hanya boleh dilaburkan dalam instrumen yang memenuhi syariah	Betul	250 (49.2)	258 (50.7)
16	Kontrak takaful adalah berdasarkan prinsip penuh percaya mutlak (amanah) yang memerlukan anda mendedahkan semua maklumat yang berkaitan	Betul	131 (29.7)	357 (70.3)
17	Pelan perlindungan takaful terbahagi kepada dua iaitu takaful am dan takaful keluarga	Betul	247 (48.6)	261 (51.4)

No	Literasi kewangan	Jawapan	n (%) Dijawab dengan Betul	n (%) Dijawab dengan Salah
18	Takaful menggunakan gabungan kontrak Tabarru' (derma) sesama peserta takaful, mudharabah (berkongsi keuntungan) dan wakalah antara pengendali dan pihak yang diinsurankan	Betul	205 (40.4)	303 (59.6)
19	Konsep pelaburan perbankan Islam boleh melabur dengan anda mengikut kaedah perkongsian meuntungan (mudharabah) sahaja	Betul	167 (32.9)	341 (67.2)
20	Kaedah perbankan Islam adalah bebas faedah	Betul	235 (46.3)	273 (53.7)
21	Kos pinjaman dalam perbankan Islam adalah tidak tetap dan bergantung kepada hasil perniagaan	Salah	99 (19.5)	409 (80.5)
22	Deposit dengan perbankan mempunyai kadar faedah yang lebih tinggi dan pulangan yang berbeza	Salah	117 (23.0)	391 (76.9)
	Hutang/pinjaman			
23	Seseorang boleh berbelanja melebihi 40% daripada pendapatan bersihnya untuk bayar ansuran bulanan	Salah	137 (27.0)	371 (73.0)
24	Bayaran pendahuluan (deposit) yang tinggi akan mengurangkan lagi kos sesebuah pinjaman	Betul	401 (78.9)	107 (21.0)
25	Pembelian secara tunai lebih berkos rendah berbanding secara kredit	Betul	443 (87.2)	65 (12.8)
26	Semakin panjang tempoh bayaran balik pinjaman semakin rendah kos keseluruhan pinjaman tersebut	Salah	366 (72.0)	142 (27.9)
27	Membeli secara kredit akan mengurangkan kuasa beli pada masa hadapan	Betul	167 (32.9)	341 (67.1)
28	Kadar faedah bagi pinjaman tidak bercagar seperti pinjaman peribadi biasanya rendah berbanding kadar faedah pinjaman bercagar seperti pinjaman perumahan	Salah	368 (72.4)	140 (27.6)
	Simpanan dan Pelaburan			
29	Kadar faedah akaun simpanan biasa (Saving Account) lebih tinggi daripada kadar faedah akaun simpanan tetap (Fixed Deposit)	Salah	216 (42.5)	292 (57.4)
30	Semua bentuk pelaburan sentiasa memberikan keuntungan	Salah	284 (55.9)	224 (44.0)
31	Caruman KWSP sahaja sudah cukup untuk menampung hari tua	Salah	424 (83.5)	84 (16.6)
32	Keluarga disarankan mempunyai simpanan kecemasan sekurang-kurangnya 3 bulan pendapatan keluarga	Betul	406 (79.9)	102 (20.1)
33	Kita telah terlebih belanja apabila mengeluarkan wang simpanan	Betul	416	92

	untuk membeli keperluan harian		(81.9)	(18.1)
34	Simpanan adalah lebih pendapatan setelah ditolak perbelanjaan	Salah	86	422
			(16.9)	(83.1)

Terdapat sembilan item yang merangkumi aspek pengetahuan am kewangan. Data menunjukkan lebih daripada satu perdua responden memberikan jawapan salah bahawa individu boleh diisytiharkan muflis jika gagal membayar hutang sejumlah RM30,000. Ini menjelaskan bahawa responden tidak mempunyai pengetahuan mengenai aspek muflis sedangkan mengikut petisyen kebangkrutan, individu itu akan diisytiharkan muflis jika jumlah hutang terkumpul mencecah RM30,000 (AKPK, 2011). Sebanyak 50% responden tidak mengetahui fungsi Sistem Informasi Rujukan Kredit (CCRIS) merupakan biro kredit yang dapat mengumpul, proses, menyimpan dan mewujudkan informasi mengenai status kredit individu jika dilihat dari aspek penyemakan kredit dan 51.6% daripada responden beranggapan bahawa Agensi kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menawarkan pinjaman kewangan.

Dalam aspek kad kredit pula, hasil kajian menunjukkan bahawa 34.5% responden tidak mengetahui syarat baru dalam permohonan kad kredit yang memerlukan kelayakan pendapatan minimum untuk pemegang kad kredit pada RM24,000 setahun. Pekerja muda juga dilihat tidak mempunyai pengetahuan mengenai aspek pengeluaran tunai yang dilakukan melalui kad kredit apabila hampir 70% responden tidak mengetahui bahawa caj akan dikenakan apabila pengeluaran tunai dilakukan.

Selain itu, produk dan perbankan Islam merupakan salah satu aspek yang penting dalam dunia kewangan terutamanya bagi pengguna Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden kurang berpengetahuan tentang produk kewangan Islam apabila satu perdua responden memberi jawapan yang salah apabila soalan mengenai perbankan Islam adalah bebas faedah diajukan sedangkan Islam tidak membenarkan sebarang bentuk faedah ataupun caj tambahan ke atas jumlah yang dipinjam. Bagi aspek hutang dan pinjaman pula, responden tidak memahami peranan mereka dalam kuasa beli pengguna apabila hanya 32.9% daripada responden menjawab dengan betul bagi pernyataan pembelian barangan secara kredit akan mengurangkan kuasa beli pada masa hadapan. Aspek simpanan dan pelaburan pula memperlihatkan bahawa 81.9% mengetahui apabila mereka telah terlebih berbelanja dan satu perdua responden turut mengetahui mengenai perbezaan kadar faedah akaun simpanan biasa dan tetap.

Sementara itu, Jadual 1.3 menunjukkan tahap literasi kewangan yang diperoleh apabila kesemua skor dijumlahkan. Skor ini kemudiannya dibahagikan kepada tiga bahagian dan dikelaskan menjadi rendah (<14), sederhana (15-20) dan tinggi (>21). Didapati bahawa majoriti responden iaitu 38% mempunyai tahap pengetahuan kewangan yang sederhana.

JADUAL 1.3
Tahap Literasi Kewangan

	n	%
Rendah (<14)	141	28
Sederhana (15-20)	194	38
Tinggi (>21)	173	34

Sikap Terhadap Wang

Dua puluh empat soalan sikap terhadap wang yang dibahagikan mengikut domain masing-masing dengan lima skala Likert telah diguna iaitu (1) sangat tidak setuju hingga (5) sangat setuju bagi mengenal pasti sikap pekerja muda terhadap wang yang dipaparkan menerusi Jadual 1.4 di bawah.

JADUAL 1.4
Sikap Terhadap Wang

No	Sikap terhadap wang	STS n(%)	TS n(%)	TP n(%)	S n(%)	SS n(%)	Min
Obsesi							
1	Saya percaya wang boleh menyelesaikan semua masalah saya	44 (8.7)	225 (44.3)	76 (15.0)	137 (27.0)	26 (5.1)	2.76
2	Saya berasakan bahawa wang adalah satu-satunya yang boleh bergantung	47 (9.3)	232 (45.7)	143 (28.1)	75 (14.8)	10 (2.0)	2.54
3	Saya berasakan lebih hebat daripada	86	228	151	37	5	2.30

	mereka yang kekurangan wang tanpa mengira keupayaan dan pencapaian mereka	(16.9)	(44.9)	(29.7)	(7.3)	(1.0)	
4	Saya bangga dengan pencapaian kewangan saya dan mahu rakan-rakan tahu mengenainya	240 (47.2)	187 (36.8)	53 (10.4)	25 (4.9)	2 (0.4)	1.74
	Retensi (pengekalan)						
5	Walaupun saya mempunyai wang yang mencukupi, saya sering rasa bersalah apabila membelanjakannya untuk keperluan	45 (8.9)	157 (30.9)	213 (41.9)	84 (16.5)	9 (1.8)	3.28
6	Saya sering mengalami kesukaran dalam membuat keputusan tentang membelanjakan wang	20 (3.9)	148 (29.1)	108 (21.3)	227 (44.7)	5 (1.0)	3.13
7	Saya sering bimbang tentang kewangan saya	23 (4.5)	160 (31.5)	64 (12.6)	134 (26.4)	127 (25.0)	3.37
8	Saya sering berangan tentang wang dan apa yang saya boleh lakukan dengannya	139 (27.4)	140 (27.6)	64 (12.6)	143 (28.1)	21 (4.1)	2.54
	Ketidakkukupan						
9	Saya sering berasa cemas apabila ditanya mengenai kewangan peribadi saya	24 (4.7)	202 (39.8)	186 (36.6)	89 (17.5)	6 (1.2)	3.29
10	Saya rasa kebanyakan rakan-rakan saya mempunyai lebih banyak wang daripada saya	191 (37.6)	27 (5.3)	130 (25.6)	129 (25.4)	31 (6.1)	3.42
11	Saya akan memperuntukkan wang untuk perkara yang menyeronokkan	37 (7.3)	234 (46.1)	125 (24.6)	92 (18.1)	20 (3.9)	3.34
	Usaha/Keupayaan						
12	Saya bangga dengan keupayaan saya berjimat	49 (9.6)	105 (20.7)	200 (39.4)	134 (26.4)	19 (3.7)	2.94
13	Saya percaya pendapatan daya sekarang adalah layak untuk saya perolehi dan selari dengan kerjaya saya	33 (6.5)	105 (20.7)	136 (26.8)	204 (40.2)	29 (5.7)	3.18
14	Saya percaya bahawa jumlah wang yang seseorang perolehi adalah berkait rapat dengan keupayaan dan usaha beliau	13 (2.6)	34 (6.7)	90 (17.7)	290 (57.1)	81 (15.9)	3.77
15	Saya bangga dengan keupayaan saya menyimpan wang	11 (2.2)	80 (15.7)	160 (31.5)	229 (45.1)	28 (5.5)	3.36
16	Saya fikir saya sentiasa tahu jumlah wang saya dibank atau kredit/pinjaman saya	9 (1.8)	51 (10.0)	109 (21.5)	294 (57.9)	45 (8.9)	3.62


Domain pertama dalam sikap terhadap wang ialah sikap obsesi. Obsesi merupakan satu persepsi atau kepercayaan mengenai wang. Berdasarkan min purata yang diperolehi, didapati bahawa pernyataan “Saya percaya wang boleh menyelesaikan semua masalah saya” mencatatkan min tertinggi sebanyak 2.76. Ini adalah kerana majoriti responden adalah tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa wang dapat menyelesaikan semua masalah. Keadaan ini jelas menggambarkan sikap yang positif apabila responden dilihat tidak begitu obses mengenai wang. Ini selari dengan kajian daripada Yang, James dan Lester (2005) yang turut mendapati bahawa individu yang memiliki sikap obsesi terhadap wang tinggi cenderung memiliki tingkah laku seperti mempunyai kemahiran bersosial yang tinggi, emosi yang stabil dan tidak memiliki perasaan malu. Domain kedua dalam sikap terhadap wang adalah retensi (pengekalan). Ia merupakan tingkah laku individu yang melakukan simpanan dan mempelbagaikan perancangan dalam memperoleh kewangan yang kukuh. Min purata tertinggi adalah bagi pernyataan “Saya sering berasa bimbang tentang kewangan saya” dengan min purata sebanyak 3.37. Persepsi ini menjadikan pekerja muda terdorong untuk melakukan simpanan atau pelaburan agar perasaan bimbang mengenai kewangan dapat dikurangkan.

Domain seterusnya ialah ketidakcukupan yang menunjukkan min purata tertinggi bagi ketiga-tiga pernyataan ini daripada pernyataan “Saya rasa kebanyakan rakan-rakan saya mempunyai lebih banyak wang daripada saya” dengan min 3.42 diikuti dengan “Memperuntukan wang untuk perkara yang menyeronokkan” (3.34) dan “Cemas apabila ditanya mengenai kewangan peribadi” (3.29). Selain itu, aspek usaha/keupayaan merupakan salah satu domain dalam sikap terhadap wang. Usaha merupakan satu persepsi individu terhadap jumlah wang yang dimiliki oleh mereka sendiri berdasarkan hasil daripada usaha dan keupayaan yang dilakukan oleh individu. Min purata tertinggi adalah daripada pernyataan “Saya percaya jumlah wang yang diperoleh adalah berkait rapat dengan keupayaan dan usaha” dengan min 3.77, diikuti oleh “Saya fikri saya sentiasa tahu jumlah wang saya dibank atau kredit/pinjaman saya” dengan min 3.62.

Skor keseluruhan bagi setiap pernyataan berdasarkan subskala dijumlahkan dan didapati bahawa skor responden tertinggi adalah dari aspek sikap usaha/keupayaan terhadap wang (min=16.86), sikap wang terhadap retensi (pengekalan) (min=12.34), ketidakcukupan (min=10.06) dan skor yang paling rendah adalah dari sikap obsesi terhadap wang (min=9.34). Ini dapat disimpulkan bahawa pekerja muda berasakan pendapatan yang diperoleh mereka adalah selari dan sesuai dengan kerjaya yang dimiliki mereka. Tambahan lagi, tanggapan mereka usaha dan keupayaan yang telah dilakukan di samping tahap pendidikan yang majoritinya memiliki ijazah sarjana muda adalah berasas.

Estim Diri

Estim diri adalah harga diri, keyakinan diri dan kebanggaan (Roy, Campbell, Krueger & Vohs, 2005). Estim diri menurut Roy (2005), perlu ditanam dalam diri individu kerana individu yang memiliki estim diri yang tinggi mampu memperoleh kejayaan kepada diri sendiri dan persekitaran. Sepuluh item estim diri yang merangkumi persoalan mengenai penghargaan dan keyakinan kepada diri sendiri diukur berdasarkan kepada lima skala Likert iaitu (1) sangat tidak setuju hingga (5) sangat setuju. Secara keseluruhannya, lebih daripada tiga per empat responden atau 82.1% berpuas hati dengan diri sendiri dan 81.9% responden berharap akan lebih menghormati diri sendiri. Responden juga dilihat mempunyai sikap yang positif terhadap diri sendiri (72.2%) selain berasakan mereka adalah bernilai seperti orang lain (67.9%) di samping mempunyai beberapa kualiti yang baik (71.7%).



Rajah 3.1: Skor Estim Diri


Berdasarkan keseluruhan skor yang diperoleh, dua tahap telah diperoleh dan dinamakan sebagai mempunyai estim diri yang positif dan estim diri yang negatif. Responden yang memperoleh skor tinggi dikelaskan menjadi estim diri yang positif manakala negatif adalah bagi tujuan sebaliknya. Sebanyak 51% responden memiliki estim diri yang positif yang menggambarkan keyakinan mereka terhadap diri sendiri dalam menguruskan aspek kewangan. Jadual 1.5 menunjukkan tahap estim diri pekerja muda.

JADUAL 1.5
Tahap Estim Diri

	n (%)
Positif	256 (51)
Negatif	252 (49)

Stres Kewangan

Stres kewangan merangkumi kekerapan individu berhadapan dengan situasi kewangan yang menyebabkan tekanan kepada diri sendiri dan keluarga. Berdasarkan kepada tiga skala utama iaitu (1) tak pernah, (2) kadang-kadang dan (3) selalu, responden telah diminta untuk menilai kekerapan mengalami situasi tersebut dalam tempoh enam bulan yang lepas. Majoriti responden sentiasa mengalami kerisauan jika pembayaran bil lewat dari tempoh yang sepatutnya dan 15.2% risau dengan pembayaran bil sehingga mengganggu tidur mereka. Selain itu, sebanyak 17.1% responden turut mengalami perasaan resah dengan keadaan wang semasa mereka dan sebanyak 6.3% mengalami kemurungan kerana ketidakcukupan wang. Menurut Delafrooz dan Laily (2011), stres kewangan boleh disebabkan oleh tekanan ekonomi, kepayahan dalam kewangan dan kekangan kewangan.



*Nota: Menggunakan skala Likert dari tidak pernah (1) kepada selalu (3). Semakin tinggi peratusan menunjukkan tahap stres kewangan yang lebih tinggi

Rajah 3.2: Stres Kewangan

Stres kewangan dapat menjadikan pekerjaan individu lebih produktif sekaligus menyebabkan peningkatan dalam pendapatan (Faoziah, Sarojani & Norfiza, 2013). Stres kewangan dalam kajian ini dapat dibahagikan kepada tiga tahap seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.6. Didapati bahawa secara keseluruhannya, terdapat keseimbangan peratusan yang dilihat antara ketiga-tiga tahap stres terhadap kewangan. Ini adalah kerana, pengendalian situasi kewangan berbeza berdasarkan umur. Drentea (2000). Kajian tersebut menerangkan stres kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan umur iaitu semakin meningkat umur seseorang maka semakin berkurangan stres pekerja muda terhadap kewangan.

JADUAL 1.6
Tahap Stres Kewangan

	N	%
Rendah (<10)	191	37.6
Sederhana (11-13)	160	31.5
Tinggi (>14)	157	30.9

Pengurusan Hutang

Bahagian ini merangkumi 26 soalan mengenai pengurusan hutang. Terdapat lima skala Likert dari (1) sangat tidak setuju sehingga (5) sangat setuju bagi mengenal pasti pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. Tiga subskala diperoleh hasil daripada analisis faktor dan dinamakan mengikut kesesuaian iaitu sebab berhutang, tingkah laku berhutang dan strategi pembayaran. Jadual 9 menunjukkan analisis secara deskriptif pengurusan hutang berdasarkan tiga subskala kajian.

JADUAL 1.7
Skor Pengurusan Hutang

No	Pengurusan hutang	STS n(%)	TS n(%)	TP n(%)	S n(%)	SS n(%)	Min
Sebab berhutang							
1	Saya perlu berhutang untuk membayar kos-kos berkaitan dengan pemilikan perumahan seperti cukai tanah, kos pembaikan, penyelenggaraan dan sebagainya	116 (22.8)	192 (37.8)	116 (22.8)	75 (14.8)	9 (1.8)	3.65
2	Saya terpaksa membuat pinjaman supaya keluarga dapat berbelanja lebih	165 (32.5)	239 (47)	72 (14.2)	28 (5.5)	4 (0.8)	4.04
3	Saya tidak kisah berhutang untuk percutian	186 (36.6)	228 (44.9)	55 (10.8)	33 (6.5)	6 (1.2)	4.09
4	Saya terpaksa menggunakan kad kredit kerana tidak mempunyai wang simpanan	178 (35.1)	202 (39.8)	84 (16.6)	38 (7.5)	5 (1.0)	4.00
5	Saya sanggup berhutang setiap bulan asalkan dapat memiliki apa yang diidamkan	210 (41.3)	201 (39.6)	61 (12)	31 (6.1)	5 (1.0)	4.14
6	Saya akan membuat pinjaman untuk membeli kelengkapan rumah	161 (31.7)	206 (40.6)	83 (16.3)	51 (10.0)	7 (1.4)	3.91
Strategi Pembayaran							
7	Sebelum membuat pinjaman saya akan pastikan kadar faedah pinjaman tersebut adalah rendah	4 (0.8)	4 (0.8)	57 (11.2)	281 (55.3)	162 (31.9)	4.17
8	Saya berfikir tentang kemampuan pembayaran balik sebelum melakukan pinjaman	0	4 (0.8)	33 (6.5)	304 (59.8)	167 (32.9)	4.25
9	Saya membuat perbandingan institusi-institusi kewangan sebelum memohon pinjaman perumahan	4 (0.8)	6 (1.2)	68 (13.4)	286 (56.3)	144 (28.3)	4.10
10	Saya mempunyai masalah pembayaran balik pinjaman/hutang dalam 12 bulan kebelakangan ini	134 (26.4)	223 (43.9)	96 (18.9)	48 (9.4)	7 (1.4)	3.84
11	Saya tidak pasti jumlah sebenar pinjaman/hutang yang saya ada	87 (17.2)	203 (40.1)	137 (27.1)	69 (13.6)	10 (2.0)	3.51
12	Saya mengutamakan pembayaran kad kredit daripada pembayaran bil-bil lain	124 (24.4)	166 (32.7)	126 (24.8)	81 (15.9)	11 (2.2)	3.61
13	Saya menjual barang kemas/saham pelaburan untuk membayar hutang	196 (38.6)	201 (39.6)	80 (15.7)	28 (5.5)	3 (0.6)	4.10
14	Pembayaran bulanan kereta saya tertunggak	206 (40.6)	190 (37.4)	72 (14.2)	35 (6.9)	5 (1.0)	4.09
<hr/>							
No	Pengurusan hutang	STS n(%)	TS n(%)	TP n(%)	S n(%)	SS n(%)	Min
Tingkah laku berhutang							
15	Saya hanya akan berjimat apabila kehabisan wang	58 (11.4)	176 (34.6)	121 (23.8)	119 (23.4)	34 (6.7)	3.20
16	Saya tidak dapat membayangkan kehidupan tanpa kad kredit	162 (31.9)	174 (34.3)	107 (21.1)	55 (10.8)	10 (2.0)	3.84
17	Saya tidak akan mengubah corak perbelanjaan walaupun terpaksa berhutang	135 (26.6)	203 (40.0)	114 (22.4)	43 (8.5)	13 (2.6)	3.79

18	Saya sanggup berhabiskan wang untuk menambah aksesori kereta berbanding membayar hutang/pinjaman	209 (41.1)	204 (40.2)	59 (11.6)	28 (5.5)	8 (1.6)	4.13
19	Saya mampu memiliki banyak barangan dengan cara berhutang	153 (30.1)	211 (41.5)	83 (16.3)	50 (9.8)	11 (2.2)	3.87
20	Saya perlu berhutang untuk membayar kos perubatan	143 (28.1)	252 (49.6)	88 (17.3)	21 (4.1)	4 (0.8)	4

*nota: STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, TP=Tidak Pasti, S=Setuju, SS=Sangat Setuju

Subskala pertama dalam aspek pengurusan hutang adalah sebab berhutang. Hasil analisis mendapati bahawa min purata tertinggi adalah bagi pernyataan “Saya sanggup berhutang setiap bulan asalkan dapat memiliki apa yang diidamkan” dengan min purata adalah 4.14. Ini menunjukkan bahawa pekerja muda tidak akan berhutang mahupun melakukan pinjaman semata-mata untuk memenuhi kehendak untuk memiliki sesuatu. Manakala min purata yang rendah adalah dari pernyataan “Saya perlu berhutang untuk membayar kos-kos berkaitan pemilikan perumahan seperti cukai tanah, kos pembaikan, penyelenggaraan dan sebagainya” dengan min purata adalah 3.65.

Subskala kedua dalam pengurusan hutang adalah strategi pembayaran. Berdasarkan min purata, didapati bahawa min tertinggi adalah daripada pernyataan “Saya berfikir tentang kemampuan pembayaran balik sebelum melakukan pinjaman”, diikuti dengan pernyataan “Sebelum membuat pinjaman saya akan pastikan kadar faedah pinjaman tersebut adalah rendah” dan “Saya membuat perbandingan institusi-institusi kewangan sebelum memohon pinjaman perumahan”. Keadaan ini menunjukkan bahawa pekerja muda melakukan perancangan kewangan sebelum melakukan keputusan terutamanya dari aspek pengurusan hutang/kredit.

Subskala yang terakhir adalah tingkah laku berhutang. Mengikut Knutson dan Samanez (2012), tingkah laku yang tergesa-gesa terutamanya dalam membuat keputusan berkaitan kewangan menyebabkan individu muda terjebak dengan hutang. Berdasarkan min purata, min tertinggi dalam aspek tingkah laku adalah daripada pernyataan “Saya sanggup berhabiskan wang bagi menambah aksesori kereta berbanding membayar hutang/pinjaman”. Sebanyak 81.3% tidak bersetuju dengan menghabiskan wang semata-mata untuk menambah aksesori kereta berbanding membayar hutang/pinjaman. Selain itu, dapatan kajian mendapati bahawa dua pertiga responden tidak bersetuju dengan pernyataan “Tidak dapat membayangkan kehidupan tanpa kad kredit” dan “Tidak akan mengubah corak perbelanjaan walaupun terpaksa berhutang”. Sekaligus menyumbang kepada min purata yang rendah dalam aspek tingkah laku berhutang.

Berdasarkan Jadual 1.8, tahap pengurusan hutang pekerja muda ditunjukkan. Didapati bahawa majoriti responden mempunyai tahap pengurusan hutang yang rendah iaitu sebanyak 36%. Ini bermaksud golongan muda tidak mempunyai kawalan dalam menguruskan hutang yang dimiliki. Sebanyak 33% responden berada pada tahap sederhana dan hanya 31.1% mempunyai tahap pengurusan hutang tinggi.

JADUAL 1.8
Tahap Pengurusan Hutang

	N	%
Rendah (<75)	182	36
Sederhana (76-83)	166	33
Tinggi (>84)	157	31.1

Jadual 1.9 menunjukkan pekali korelasi Pearson yang bertujuan mengetahui samada terdapat hubungan antara literasi kewangan, sikap terhadap wang, estim diri dan stres kewangan terhadap pengurusan hutang. Berdasarkan *Guilford's Rule of Thumb* (1956) mendapati bahawa literasi kewangan ($r=.131$, $p<0.003$), sikap terhadap wang iaitu ketidakcukupan ($r=.129$, $p<0.004$) dan keupayaan ($r=.150$, $p<0.001$) menunjukkan hubungan yang sangat rendah terhadap pengurusan hutang manakala estim diri ($r=.384$, $p=0.000$), sikap terhadap wang obsesi ($r=-.214$, $p<0.000$) dan stres kewangan ($r=-.281$, $p<0.000$) memberikan hubungan yang rendah dengan pengurusan hutang.

JADUAL 1.9

Pekali Korelasi Pearson antara Literasi Kewangan, Jenis Sikap Terhadap Wang, Estim Diri dan Stres Kewangan dengan Pengurusan Hutang

Pembolehubah	Perkaitan Pearson (r)	P
Literasi Kewangan	0.131**	0.003
Jenis sikap terhadap wang		
1) Obsesi	-0.214**	0.000
2) Retensi (pengekalan)	0.049	0.272
3) Ketidacukupan	0.129**	0.004
4) Usaha	0.150**	0.001
Estim Diri	0.384**	0.000
Stres Kewangan	-0.281**	0.000

** Signifikan $p < 0.01$

Analisis Regresi Pelbagai dilakukan bagi mengenal pasti mana-mana pemboleh ubah bersandar yang dapat menjadi faktor peramal dalam pengurusan hutang. Didapati bahawa (Jadual 1.10) kesemua pemboleh ubah menyumbang 25.4% daripada varian pengurusan hutang dengan model yang signifikan dibentuk $F(10,462)=17.031$, $p < 0.000$. Nilai Beta turut dilihat bagi mengenal pasti sejauh mana kekuatan setiap faktor peramal yang dapat mempengaruhi pengurusan hutang. Didapati bahawa faktor sosio demografi iaitu jantina ($\beta=0.085$, $p < 0.01$ dan status kewangan ($\beta=0.082$, $p < 0.01$) memberi perkaitan yang signifikan kepada model pengurusan hutang ini. Selain itu, antara pemboleh ubah bersandar yang menyumbang kepada model pengurusan hutang adalah sikap terhadap wang (obsesi) ($\beta=-0.170$) dan stres kewangan ($\beta=-0.193$). Manakala peramal utama dalam model pengurusan hutang terhadap pekerja muda adalah faktor estim diri ($\beta=0.320$).

JADUAL 1.10

Faktor Peramal Pengurusan Hutang Menggunakan Analisis Regresi Pelbagai

Pemboleh ubah	B	Beta	t	Sig
Constant (peramal)	51.651		8.383	0.000
Jantina (Perempuan)	2.123	0.085	2.096	0.037**
Pendapatan bulanan isi rumah	0.000	0.061	1.532	0.126
Status Kewangan (aset melebihi hutang)	2.099	0.082	1.969	0.049**
Nisbah hutang berbanding pendapatan (<40%)	1.575	0.064	1.536	0.125
Literasi Kewangan	0.036	0.016	0.385	0.701
Sikap terhadap wang (Obsesi)	-0.757	-0.170	-3.718	0.000**
Sikap terhadap wang (Ketidacukupan)	0.317	0.062	1.390	0.165
Sikap terhadap wang (Usaha/Keupayaan)	0.243	0.058	1.310	0.191
Estim Diri	0.852	0.320	7.301	0.000**
Stres Kewangan	-0.702	-0.193	-4.633	0.000**

$R=.519$; $R^2=.269$; *Adjusted R*²= .254; $F=17.031$; $\text{Sig.} F=.000$ ** $p < .01$

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan dalam kalangan pekerja muda yang berkhidmat di sektor awam dan swasta. Responden kajian terdiri daripada pekerja muda yang berumur 20 hingga 40 dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Perak. Sebanyak 508 borang yang diterima balik daripada keseluruhan sampel kajian. Kesemua jabatan dan agensi awam dan swasta yang dipilih pula berdasarkan senarai daripada laman sesawang kerajaan persekutuan dan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF).

Berdasarkan analisis kajian, didapati bahawa faktor sikap obsesi terhadap wang, keupayaan dan stres kewangan merupakan penyumbang kepada model pengurusan hutang dengan faktor estim diri adalah faktor peramal terbesar kepada pengurusan hutang pekerja muda. Selain itu, faktor sosiodemografi seperti jantina dan status kewangan pekerja muda turut dilihat memberi perkaitan terhadap pengurusan hutang yang berhemah.

Pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda perlu dititikberatkan memandangkan senario keberhutangan dalam kalangan pekerja muda amat membimbangkan. Pemupukan sikap terhadap wang yang positif mampu menghasilkan sikap obsesi terhadap wang yang berhemah sekaligus menjadikan pekerja muda berhati-hati dalam melakukan perbelanjaan manakala sikap usaha terhadap wang dapat menjadikan pekerja muda sentiasa berusaha untuk mendapatkan wang dan menghargai wang. Manakala pemupukan estim diri yang positif dalam

diri pekerja muda menjadikan mereka sentiasa berkeyakinan dalam mempelbagaikan sumber bagi membayar hutang. Oleh itu, mereka tidak akan memiliki stres kewangan yang tinggi kerana dapat menguruskan hutang yang dimiliki dengan lebih baik.

Oleh yang demikian, beberapa langkah yang bersifat intervensi perlu dilakukan bagi menangani masalah ini. Pendidikan kewangan di tempat kerja melalui ceramah, seminar, modul atau kerjasama antara agensi kewangan seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sebagai contohnya mampu memberi kesedaran mengenai pentingnya menguruskan hutang dengan bijak.

RUJUKAN

- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ambil yg 2011. Waspada dengan skim cepat kaya. Dimuat turun http://www.bnm.gov.my/documents/6_Ringggit_Newsletter.pdf pada 24 Jun 2013
- Aldana, S. G., & Liljenquist, W. (1998). Validity and reliability of a financial strain survey. *Financial Counseling and Planning*, 9(2), 11-18.
- and locus of control in college-age consumers 1. *Psychological reports*, 94(3c), 1405-1418.
- Associated Press (2013). Debt stress causing health problems, poll finds. Diambil daripada http://www.nbcnews.com/id/25060719/ns/health-mental_health/t/debt-stress-causing-health-problems-poll-finds/#.VGQqyfUeCw pada 14 Mac 2013
- Baek, E., & Hong, G. S. (2004). Effects of family life-cycle stages on consumer debts. *Journal of Family and Economic Issues*, 25(3), 359-385.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological review*, 84(2), 191.
- Basu, S. (2005). Financial literacy and the life cycle. *Washington, DC: Financial Planning Association*.
- Brennan, L., Zevallos, Z., & Binney, W. (2011). Vulnerable consumers and debt: Can social marketing assist? *Australasian Marketing Journal (AMJ)*, 19(3), 203-211
- Buletin Ringgit (2011, April). Pendidikan kewangan dan pengguna, 2-3. Diambil daripada <http://www.fomca.org.my/v5/index.php/ms/penerbitan/buletin-ringgit/buletin-ringgit-2011#>
- Cast, A. D., & Burke, P. J. (2002). A theory of self-esteem. *Social forces*, 80(3), 1041-1068.
- Celik Wang: Pengurusan wang secara bijak. (2009). Diambil daripada <http://www.akpk.org.my/>
- Chatterjee, S., Finke, M. & Harness, N. (2010). Self esteem and individual wealth. Munich Personal RePEc Archive (MPRA). Diambil daripada <http://mpra.ub.uni-muenchen.de/20120/> pada 23 Februari 2014
- Daum, T. L. (2003). *Locus of control, personal meaning, and self-concept before and after an academic critical incident* (Doctoral dissertation, Trinity Western University).
- Davis, C. G., & Mantler, J. (2004). The Consequences of Financial Stress for Individuals, Families and Society. *Centre for Research on Stress, Coping and Well-being. Carleton University, Ottawa*
- Deacon, R. E., & Firebaugh, F. M. (1988). Family resource management principles and applications. Boston, MA: Allen & Bacon.
- Delafrooz, N., & Paim, L. H. (2011). Determinants of Saving Behavior and Financial Problem among Employees in Malaysia. *Journal of Applied Sciences Research*, 7(7).
- DeVaney, S. A., Gorham, L., Bechman, J. C., & Haldeman, V. (1996). Cash flow management and credit use: Effect of a financial information program. *Financial Counseling and Planning*, 7, 71-80.
- Drentea, P. (2000). Age, debt and anxiety. *Journal of health and Social Behavior*, 437-450.
- Eagly, A. H., & Chaiken, S. (1993). *The psychology of attitudes*. Harcourt Brace Jovanovich College Publishers. economic perspective. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 12(9), 1182-1189.
- Faoziah, Hj.I, K.Sarojini, D.K. & Norfiza, A. (2013). Relationship between financial literacy and financial distress among youth in Malaysia-An empirical study. *Malaysia Journal of Society and Space*. 9(4).106-117
- Fazli, M.S., Ahmad Hariza, H.H. & Amim, M.O. (2011). Pengetahuan dan pengalaman berkaitan penggunaan
- Fazli, M.S., Hayhoe, C.R., & Goh, L.A. (2006). Attitude, values and belief towards money: gender and working sector comparison. *Pertanika Journal Social Science & Humanity*. 14(2):121-130.
- Fazli, M.S., Jariah, M & Laily, P. (2006). Financial literacy, attitude and practices among Malaysian IPTs Students'. Serdang: UPM.
- Fitzsimmons, V. S., & Leach, L. J. (1994). Net Worth Change: Beginning and Expanding Life Cycle Stages. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 5(1).
- Garman, E. T., Kim, J., Kratzer, C. Y., Brunson, B. H., & Joo, S. H. (1999). Workplace financial education improves personal financial wellness. *Financial Counseling and Planning*, 10(1), 79-88.
- Henry, R. A., Weber, J. G., & Yarbrough, D. (2001). Money management practices of college students. *College Student Journal*, 35(2), 244-249. <http://www.bnm.gov.my>
- Husniyah, A.R., Fazli, M.S & Ahmad, H. H. (2005). Perancangan dan amalan penggunaan kad kredit bagi pengguna di Malaysia. *Malaysia Journal of Consumer and Family Economics*. 8, 62-75

- Isa, M.H., Aliff, M.M.N., Jamil, A., Ab.Halim, T., Amirah, I., Nurul, P.H. & Syazwani, S.S. (2012). Keberkesanan pertumbuhan belia dalam menyemai jati diir Islam. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 7, 93-104.
- Jabatan Insolvensi Negara statistik muflis (2014). Dimuat turun daripada <http://www.insolvensi.gov.my/ms/>
- Kidwell, B. & Brinberg, D. (2013). Determinants of money management behavior. *Journal of Applied Social Psychology*.
- Kim, J. & Chatterjee, S. (2013). Childhood Financial Socialization and Young Adults' Financial Management Financial Counselling and Planning Education
- Kim, J. (2000). The Effects of Workplace Financial Education on Personal Education on Personal Finances and Work Outcomes. Dissertation on Doctor of Philosophy in housing, interior design and resource management (Virginia Polytechnic Institute and State University
- Knutson, B., & Samanez-Larkin, G. R. (2012). 7 Brain, Decision, and Debt. *A Debtor World: Interdisciplinary Perspectives on Debt*, 167.
- kredit di kalangan pegawai muda sektor awam. *Malaysia Journal of Youth Studies*. 5, 77.
- Laporan bancian penduduk dan perumahan (2010). Dimuat turun dari <http://www.treasury.gov.my/>
- Laporan bancian penduduk dan perumahan (2010). Dimuat turun dari http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&id=1215&Itemid=89&lang=bm pada 1 Julai 2013
- Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh: Jabatan Perangkaan Malaysia (2012). Dimuat turun pada 1 Julai 2013 daripada <http://www.statistics.gov.my>
- Maslow, A. H. (1954). *Motivation and personality*. New York: Harper & Row.
- Mugenda, O. M., Hira, T. K., & Fanslow, A. M. (1990). Assessing the causal relationship among communication, money management practices, satisfaction with financial status, and satisfaction with quality of life. *Lifestyles: Family and Economic Issues*, 11, 343-360.
- Nannyanzi, S., (2009). Financial Knowledge, Locus of Control, Cultural Values and Financial Behavior among New Vision Employees. A submitted thesis for the degree of master of science in accounting and finance; Makerere University Kampala
- National Financial Capability Study (2009). Financial capability in the United States. Initial Report of Research Findings from the 2009 National Survey. Diambil daripada <http://www.finrafoundation.org/web/groups/foundation/@foundation/documents/foundation/p120536.pdf>
- National Summit on Retirement Savings: Final Report (2002). Saving for a Lifetime: Advancing Generation Prosperity. Diambil daripada <http://www.dol.gov/ebsa/pdf/02NatlSummitFinal.pdf> pada 2 Januari 2013
- Nyamute, W. and Maine, J.K.M. (2011). Effect of financial literacy on personal financial management practices. Unpublished
- Parrotta, J. L., & Johnson, P. J. (1998). The impact of financial attitudes and knowledge on financial management and satisfaction of recently married individuals. *Financial Counseling and Planning*, 9, 59-75.
- Pinto, M. B., Mansfield, P. M., & Parente, D. H. (2004). Relationship of credit attitude and debt to self-esteem Princeton Survey Research Associates International. (April, 2008). 2008 Financial Literacy Survey (Summary report prepared for the National Foundation for Credit Counseling and MSN Money). Diambil daripada <http://www.nfcc.org/newsroom/FinancialLiteracy/files/2008SummaryReportTopline.pdf> pada 4 Februari 2014
- Prochaska-Cue, K. (1993). An exploratory study for a model of personal financial management style. *Financial Counseling and Planning*, 4(111-134).
- Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC). (2012). Dimuat turun dari https://www.insuranceinfo.com.my/help_and_advice/announcement_article.php?intPrefLangID=2&intArticleID=88 pada 30 Jun 2014
- Roy, B. (2005). Rethinking self-esteem: why nonprofits should stop pushing self-esteem and start endorsing self-control. *CA: Stanford Social Innovation Review*, 3(4), 34-41.
- Roy, B, Campbell, J. D., Krueger, J. I., & Vohs, K. D. (2005). Exploding the self-esteem myth. *Scientific American*, 292(1), 84-91.
- Sages, R. A., & Grable, J. E. (2011). A Test of the Theory of Self-Esteem: A Consumer Behavior Perspective. In *The 57th Annual Conference of the American* (Vol. 57, p. 90).
- Scheresberg, C. de B. (2013). Financial Literacy and Financial Behavior among Young Adults: Evidence and Implications. *Numeracy*, 6(2), 5.
- Shim, S., Xiao, J. J., Barber, B. L., & Lyons, A. C. (2009). Pathways to life success: A conceptual model of financial well-being for young adults. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 30(6), 708-723.
- Sim, O.F. & Shuang, T.Y. (2004). Money attitude, saving behavior and consumption patterns among young urban consumers in Malaysia: An ethnic and gender comparison. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* (MACFEA). 7:16-28

- Slagel, S. L., Newman, B. M., & Xiao, J. J. (2007). *Credit Card Debt Reduction and Developmental Stages of the Lifespan*. TCAI Working Paper, May 2006.
- Sumarwan, U., & Hira, T. K. (1992). Credit, saving, and insurance practices influencing satisfaction with preparation for financial emergencies among rural households. *Home Economics Research Journal*, 21(2), 206-227.
- Tan, H.B., Hoe, S.Y. & Hung, W.T. (2011). Financial literacy and personal financial planning in Klang Valley, Malaysia. *International Journal of Economics and Management*, 5, 1, 149-168
- Taneja, R.M. (2012). Money attitude-An abridgement. *International Refereed Research Journal*. 111(3).
- Tedeschi, R. G., & Calhoun, L. G. (2004). "Posttraumatic Growth: Conceptual Foundations and Empirical Evidence". *Psychological inquiry*, 15(1), 1-18.
- Walker, E.S., Tremblay, K.R., Jr. and Parkhurst, A.M. (1984). Financial management and family life. Family strengths 5: Continuity and diversity. Newton, MA. Educational Development Center.
- Yang, B., James, S., & Lester, D. (2005). Reliability and validity of a short credit card attitude scale in British and American subjects. *International Journal of Consumer Studies*, 29(1), 41-46.
- Zakaria, R.H., Kader, R.A., Jaafar, N.I.M, & Marican, S. (2012). Burgeoning household debt: An Islamic